

Kuala Lumpur: Keselamatan antara elemen penting membuatkan pelancong luar selesa dan berada di Kuala Lumpur.

Menurut Timbalan Presiden Inbound dan Domestik Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) Ganneesh Ramaa, Kuala Lumpur menjadi destinasi popular atas faktor keselamatan.

“Populariti Kuala Lumpur adalah destinasi pelancongan yang selamat dan memiliki pelbagai tarikan semuanya boleh didapati dengan berada di dalam satu bandar.

“Selain itu identiti lokal yang mewakili pelbagai kaum dan etnik boleh dilihat pada semua elemen seperti bangunan, maka-

Keselamatan buat pelancong luar selesa di Kuala Lumpur

nan dan juga orang tempatan satu penarik membuatkan harmoni itu selesa di mata warga asing.

“Tidak lupa juga sikap rakyat tempatan yang mempunyai empati tinggi terutama membantu warga asing tidak kisah pelancong dan ekspatriat membuatkan sinergi kemesraan dapat dirasakan,” katanya.

Berkongsi mengenai pengiktirafan Kuala Lumpur bandar termesra di dunia semestinya menjadi titik penting bagi produk tempatan ke pasaran luar.

“Semestinya pengiktira-

fan itu dapat menarik perhatian pelancong luar mengenai imej mesra dalam ‘hospitaliti’ Malaysia.

“Sebenarnya, Malaysia, keunikan kita adalah ciri identiti terutama produk jualan yang membabitkan elemen penglibatan komuniti seperti makan di rumah orang tempatan, tinggal di inap desa dan warung menyajikan sajian tempatan membuatkan pe-

lancong asing mudah selesa.

“Pelancong dari negara barat sangat menyukai elemen sebegini dan juga negara Asia seperti Jepun serta Korea.

“Semua itu dapat diakses di Kuala Lumpur. Itu juga satu kelebihan apabila akses dapat diperolehi dalam satu bandar,” katanya.

Bagi pelancong luar, mereka menghargai sikap ke-

terbukaan masyarakat tempatan yang mudah menerima kehadiran orang luar.

“Daripada segi akses, maklumat boleh diperolehi di mana sahaja. Malah rakyat tempatan bersikap ramah dengan orang luar. Apatah lagi, mereka yang terbabit dalam industri ini memiliki kelebihan dan tahu melayani kehendak pelancong.

“Selalunya, apa yang mereka dapat ketika sesi lawatan melebihi jangkaan dan ada kalanya, operator terutama tuan rumah inap desa melayan mereka seperti ahli keluarga membuatkan pelancong seolah-olah berada di tempat sendiri,” katanya.

Situasi terkini bagi penggiat industri pelancongan, kata Ganneesh, terdapat le-

bih 2,200 operator yang masih bertahan.

“Ramai pemilik dan ejen pelancongan terutama *in-bound* iaitu pendapatan mereka bergantung kepada pasaran luar terpaksa menukar model perniagaan.

“Kini mereka dalam proses pemulihan dan bagi setengah negara seperti India contohnya, mencatat kemasukan lebih 300,000 pelancong sehingga hari ini dan jumlah itu dijangka terus meningkat.

“Jumlah pelancong dari India sebelum Covid-19 sekitar 700,000 hingga 800,000 setahun. Namun bagi pasaran China dan Jepun, ia masih terkesan kerana sekatan masih dikenakan bagi mengawal Covid-19,” katanya.

